KOD DAN NAMA KURSUS:

KPG3013 - INSAN GURU PROFESIONAL

TUGASAN BERKUMPULAN

TAJUK:

LAPORAN WAWANCARA INSAN GURU PERANTIS (IGP)

DISEDIAKAN OLEH:

NAMA	NO. MATRIKS	PROGRAM	NO. TELEFON
NOR HASIMAH BINTI A MANAFF	D20191088806	ISMP TEKNOLOGI MAKLUMAT	0133663831
UMAIRAH BINTI ABDUL KADIR	D20191088829	ISMP TEKNOLOGI MAKLUMAT	01112635040
FARAH AYUNI BINTI MOHD SUHAINI	D20191088848	ISMP TEKNOLOGI MAKLUMAT	0199395381
MOHAMMAD AKMAL HAFIZ BIN MOHD NAZIR	D20191088865	ISMP TEKNOLOGI MAKLUMAT	0199082730

KUMPULAN KULIAH: AT20B

PENSYARAH: PROFESOR MADYA DR. MOHD NAZIR BIN MD ZABIT

ISI KANDUNGAN

Bil	Perkara	Muka Surat
1	1.0 Pendahuluan	1
2	2.0 Data atribut Insan Guru Profesional Latar belakang Persamaan data atribut hasil wawancara di antara kedua-dua guru tersebut Perbezaan data atribut hasil wawancara di antara kedua-dua guru tersebut	2-6
3	3.0 Guru bidang berdasarkan Model IGP mengikut bidang Pengenalan kepada Model IGP Bidang Persamaan guru bidang berdasarkan Model IGP mengikut bidang Perbezaan guru bidang berdasarkan Model IGP mengikut bidang	7-9
4	4.0 Guru berdasarkan Model IGP UPSI Pengenalan kepada Model IGP UPSI Persamaan guru berkenaan berdasarkan Model IGP UPSI Perbezaan guru berkenaan berdasarkan Model IGP UPSI	9-11
5	5.0 Refleksi kendiri setiap ahli kumpulan Nor Hasimah Binti A Manaff (D20191088806) Umairah Binti Abdul Kadir (D20191088829) Farah Ayuni Binti Mohd Suhaini (D20191088848) Mohammad Akmal Hafiz Bin Mohd Nazir (D20191088865)	11-14
6	6.0 Penutup	14

1.0 PENDAHULUAN

Alhamdulillah, kami merafakkan sepenuh kesyukuran kehadrat ilahi dengan limpah dan rahmatnya, dapat kami melaksanakan Laporan Wawancara Insan Guru Profesional ini dengan penuh jayanya. Kami menjulang sepenuh penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Mohd Nazir bin Md Zabit iaitu pensyarah bagi subjek ini kerana telah banyak memberi tunjuk ajar kepada kami dalam pelaksanaan laporan ini. Laporan ini adalah untuk melaksanakan tugasan dalam kursus KPG3013 Insan Guru Profesional. Kursus ini adalah satu kursus yang penting dan perlu diambil oleh semua mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Pendidikan Sultan Idris sebagai persediaan untuk menjadi seorang guru. Kursus ini turut menyediakan banyak maklumat berguna tentang atribut seorang guru yang boleh kami aplikasikan ketika menjadi seorang guru pada masa akan datang.

Berdasarkan arahan tugasan ini, kami dikehendaki untuk wawancara dua orang guru yang berlainan bidang iaitu seorang guru yang mengajar mata pelajaran berkaitan Teknologi Maklumat dan seorang guru lagi mengajar selain mata pelajaran berkaitan Teknologi Maklumat. Melalui wawancara ini, kami telah mendapat banyak ilmu pengetahuan yang lebih bermakna. Guru yang mengajar mata pelajaran berkaitan Teknologi Maklumat ini telah diwawancara pada 15 Januari 2022, manakala seorang guru lagi diwawancara pada 18 Januari 2022. Kedua-dua wawancara tersebut berlangsung pada jam 3:00 petang sehingga 4:00 petang melalui platform Google Meet. Tarikh wawancara tersebut dipilih mengikut masa lapang kedua-dua guru tersebut.

2.0 DATA ATRIBUT INSAN GURU PROFESIONAL (IGP)

2.1 Latar belakang Insan Guru Profesional

Guru bidang (Teknologi Maklumat)

Insan pertama yang diwawancara oleh kami sekumpulan ialah Che Armi binti Hussain. Beliau berasal daripada Pasir Mas, Kelantan. Beliau mendapatkan pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Teknik Terengganu, Terengganu. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia. Setelah lulus menjadi seorang guru, beliau ditempatkan di sebuah sekolah di sekitar Tawau, Sabah. Selepas lima tahun berkhidmat di sekolah tersebut, beliau dipindahkan di sebuah sekolah sekitar Gua Musang, Kelantan. Kemudiannya, beliau ditempatkan di sebuah sekolah yang diberi nama Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jawa, Selising, Pasir Puteh, Kelantan. Beliau mengajar di SMK Bukit Jawa bermula daripada 2008 sehingga sekarang. Dalam konteks ini, beliau mengajar subjek Ekonomi tingkatan 4 dan 5 dan Asas Sains Komputer.

Guru luar bidang (bukan Teknologi Maklumat)

Insan yang kedua pula bernama Pn. Mashitah binti Che Hassan. Beliau merupakan seorang guru dari kelulusan Universiti Sains Malaysia dalam bidang kewangan. Beliau melibatkan diri dalam bidang perguruan bermula dari tahun 2009 sehingga kini. Pada awalnya, beliau hanya merupakan guru sandaran sahaja (2009-2011). Kemudian, beliau melanjutkan pengajian dalam bidang pendidikan di Universiti Utara Malaysia (2012-2013). Sekolah pertama beliau adalah di SMK Sentul Utama (2014-2016). Kemudiannya, beliau berpindah di sekolah sekitar kampung beliau sendiri iaitu di SMK Seri Badut (2017-2022). Dalam konteks ini, beliau mengajar subjek Bahasa Melayu tingkatan 1,2 dan 3.

2.2 Persamaan Data Atribut Hasil Wawancara di antara kedua-dua IGP

Berikut adalah beberapa soalan yang mempunyai jawapan yang sama di antara Cikgu Armi dan Cikgu Mashitah:

Soalan 4: Apakah ciri keperibadian yang perlu ada pada diri seseorang sebelum masuk dalam bidang perguruan.

Cikgu Armi dan Cikgu Mashitah memberikan jawapan yang sama iaitu ciri keperibadian yang perlu ada pada diri seseorang sebelum masuk dalam bidang perguruan ialah mereka perlu mempunyai minat dan kemahuan untuk menjadi cikgu. Jika seseorang itu mempunyai minat dalam bidang perguruan, pasti mereka akan buat yang terbaik dan sedaya upaya untuk mengkaji bidang yang akan diajari serta bersedia untuk mendidik para pelajar dengan ikhlas.

Soalan 5: Apakah ciri atau sifat yang perlu disemai untuk menambahbaik keperibadian seorang guru unggul.

Bagi soalan 5, Cikgu Armi dan Cikgu Mashitah juga memberikan jawapan yang sama iaitu ciri atau sifat yang perlu disemai untuk menambah baik keperibadian seorang guru unggul ialah mereka perlu mempunyai keperibadian yang baik. Antara keperibadian baik yang dimaksudkan itu ialah guru tersebut perlu mempunyai personaliti yang baik dari segi pemakaian, tutur bicara dan sikap. Guru merupakan idola kepada para pelajar, oleh itu guru yang unggul perlu menunjukkan contoh-contoh yang baik dengan berpakaian kemas dan mematuhi kod etika berpakaian, menjaga tutur bicara dengan para pelajar dan menunjukkan sikap yang baik di hadapan para pelajar agar guru tersebut dapat dijadikan sebagai suri teladan. Seterusnya, guru unggul hendaklah mempunyai sikap prihatin terhadap anak didik. Sebagai seorang guru, mereka perlu mengenal pasti para pelajar yang lemah dalam subjek yang diajari dan sedia membantu mereka. Selain itu, kedua-dua guru ini juga berpendapat, sifat yang perlu disemai untuk menambahbaik keperibadian seorang guru unggul ialah perlu bijak dalam mengawal dan

menguruskan emosi agar tidak bercampur aduk dengan profesion dan peribadi. Di samping itu, guru unggul perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan meluas dalam bidang yang diajari dan mempelbagaikan kaedah pengajarannya dengan kreatif. Selanjutnya, guru unggul haruslah berdisiplin dari segi masa iaitu masuk ke dalam kelas awal dan tidak melengah-lengahkan masa. Akhir sekali, guru unggul perlulah mempunyai kesabaran yang tinggi dan mempunyai mental yang kuat dalam menghadapi dugaan mendepani dengan karenah para pelajar.

2.3 Perbezaan Data Atribut Hasil Wawancara di antara kedua-dua IGP

Berikut merupakan soalan yang mempunyai jawapan yang berbeza di antara Cikgu Armi dan Cikgu Mashitah:

Soalan 2: Apakah yang membuatkan cikgu/tuan/puan mahu menjadi seorang guru?

Cikgu Armi dan Cikgu Mashitah mempunyai alasan yang berbeza untuk menjadi seorang guru. Cikgu Armi memang bercita-cita untuk menjadi seorang guru sejak tingkatan 3 lagi. Namun, Cikgu Mashitah menjadi guru disebabkan oleh ingin memenuhi hasrat dan impian kedua ibubapanya.

Soalan 3: Apakah ciri keperibadian yang perlu ada pada seseorang guru yang berjaya?

Menurut Cikgu Armi, ciri keperibadian yang perlu ada pada seseorang guru yang berjaya ialah perlu mempunyai minat untuk menjadi seorang guru kerana apabila mempunyai minat, pasti kita akan mencintai kerjaya dan menghayati ilmu yang ingin disampaikan kepada para pelajar. Seterusnya, guru yang berjaya perlu mempunyai rasa tanggungjawab kepada para pelajar, tugasan dan masyarakat. Niat untuk mendidik juga perlu ikhlas. Bukan sekadar masuk ke kelas saja-saja, tetapi perlu mendidik para pelajar sehingga mereka faham. Kesungguhan dalam mendidik juga perlu ada dan perlu mempunyai kesabaran yang tinggi. Namun pada pendapat Cikgu Mashitah pula, ciri keperibadian yang perlu ada pada seseorang guru yang berjaya ialah guru tersebut perlu ada sifat-sifat yang terpuji iaitu baik hati dengan semua orang terutamanya para pelajar. Seterusnya, tidak boleh bersikap pilih kasih dan fokus terhadap beberapa orang

pelajar sahaja. Selain itu, sebagai guru juga kita juga perlu menyayangi semua para pelajar terutamanya para pelajar yang kurang kasih sayang. Akhir sekali, guru yang berjaya perlu mempunyai sifat kepimpinan kerana guru yang akan memimpin para pelajar agar menjadi insan yang berbakti kepada negara dan bangsanya.

Soalan 6: Apakah ciri keperibadian yang tidak sepatutnya ada pada seorang guru?

Pada pendapat Cikgu Armi, ciri keperibadian yang tidak sepatutnya ada pada seorang guru ialah sikap tidak suka bertanya, sombong dan bangga diri. Seterusnya, sikap yang suka melengah-lengahkan masa untuk masuk ke dalam kelas dan mengambil mudah dalam mendidik para pelajar. Selain itu, tidak suka membaca atau malas untuk meningkat diri. Akhir sekali, seseorang guru tidak boleh berdendam dengan pelajarnya seperti menghukum pelajar secara berterusan disebabkan oleh satu kesalahan yang pernah dilakukan olehnya. Manakala menurut Cikgu Mashitah pula, ciri keperibadian yang tidak sepatutnya ada pada seorang guru ialah tidak boleh mempunyai sifat pilih kasih terhadap para pelajar dan jangan ketepikan pelajar yang lemah dari segi pembelajarannya. Seterusnya, jangan menghukum para pelajar di depan khalayak ramai. Akhir sekali, sebagai seorang guru kita tidak boleh memburukkan guru-guru lain di depan para pelajar.

Soalan 7: Apakah harapan cikgu/tuan/puan tentang keperibadian guru akan datang?

Harapan Cikgu Armi tentang keperibadian guru akan datang ialah guru lebih bertanggungjawab supaya dapat membawa pelajar ke arah yang lebih baik, lebih rajin, kuat berusaha, dapat melahirkan para pelajar yang lebih kreatif dan inovatif setanding dengan negara luar, daapt menguasai ilmu lebih tinggi dan rajin untuk mencari ilmu-ilmu baru, mempunyai sikap kemanusiaan iaitu menghormati para pelajar, perlu lebih menjiwai karier sebagai seorang guru, mempunyai motivasi yang tinggi, bersemangat dan selalu memikirkan tentang para pelajarnya agar dapat memberikan pendidikan yang terbaik. Manakala, harapan Cikgu Mashitah tentang keperibadian guru akan datang pula ialah guru perlu mempunyai peribadi yang mulia kerana sikap melambangkan siapa diri kita, maka kita perlu menjadi seorang yang baik hati, prihatin, bertanggungjawab, amanah dan berintegriti. Cikgu Mashitah juga ada mengatakan, jika seorang guru tersebut berpegang kepada integriti yang tinggi, dia akan menjadi seorang guru yang hebat.

Soalan 8: Apakah nasihat yang cikgu/tuan/puan boleh berikan kepada kami sebagai bakal Insan Guru Profesional?

Nasihat yang Cikgu Armi berikan kepada kami sebagai bakal Insan Guru Profesional ialah jadilah seorang guru yang sporting, tapi jangan sampai dipijak oleh para pelajar. Tegas itu juga perlu ada. Seterusnya mempelbagaikan kaedah mengajar mengikut kesesuaian para pelajar, menjadi pembimbing kepada para pelajar terutamanya pelajar yang lemah, bimbing mereka sehingga mereka faham. Selain itu, sebagai guru juga kita perlu mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik dengan pelajar dan masyarakat. Akhir sekali, sentiasalah menjaga ketrampilan diri dan sentiasa mematuhi etika perguruan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Manakala, nasihat yang diberikan oleh Cikgu Mashitah ialah guru perlu mempunyai integriti, mempamerkan sikap dan personaliti kita sebagai seorang guru yang berdedikasi, jangan jadi guru yang sekadar melepaskan batuk di tangga. Selain itu, guru juga perlu sentiasa bersiap siaga untuk menghadapi segala kemungkinan seperti pandemik Covid-19 yang berlaku sekarang. Ia merupakan perkara yang amat mencabar bagi guru-guru sekarang. Oleh itu, kita perlulah bersiap sedia dari fizikal dan mental.

Soalan 9: Apakah yang mendorong cikgu untuk terus memberikan komitmen sebagai seorang guru yang profesional?

Menurut Cikgu Armi, perkara yang mendorong beliau untuk terus memberikan komitmen sebagai seorang guru yang profesional ialah beliau mempunyai kepuasan dalam mendidik para pelajar apabila para pelajar dapat menjawab soalan yang ditanyakan. Kejayaan para pelajar telah memberikan semangat kepada Cikgu Armi untuk terus mendidik para pelajar. Akhir sekali, kemenjadian para pelajarnya untuk menjadi manusia berguna telah menjadi kepuasan buat diri beliau. Manakala, perkara yang mendorong cikgu mashitah untuk terus memberikan komitmen sebagai seorang guru yang profesional ialah untuk memberikan pendidikan yang sewajarnya kepada anak bangsa agar mereka menjadi insan yang berguna yang dapat menabur jasa dan bakti kepada negara dan agama.

3.0 GURU BIDANG BERDASARKAN MODEL IGP MENGIKUT BIDANG

3.1 Pengenalan kepada Model IGP Bidang

Insan Guru Profesional bidang harus mengetahui skop tugasan sendiri dan setiap guru haruslah memastikan diri mereka mempunyai dengan atribut IGP yang baik serta mereka memastikan cara menyampaikan pengajaran yang sistematik dan efektif.Dalam model IPG bidang Pengkomputeran terdapat Asas Sains Komputer (ASK) yang merupakan elemen terpenting dalam pelbagai urusan digital di mana ianya berperanan untuk penyelesaian masalah yang rumit dan mencabar. Selain itu, penyimpanan data dalam skala besar serta pemprosesan data dan pembuatan keputusan dalam masa nyata. Kreativiti, kolaborasi, kepintaran buatan, sokongan multimedia dan grafik resolusi tinggi juga menjadi aspek digital yang perlu diketahui guru bidang dalam memastikan aspek pembelajaran dalam bidang digital dapat dipraktikkan. Skop bagi tugas guru computer dalam era digital secara khususnya adalah berusaha menjadi warganegara digital serta mengamalkan norma-norma yang sesuai dan sikap kebertanggungjawaban ke arah menggunakan teknologi dengan betul. IGP guru bidang juga haruslah kebolehan mengelola dan mengawasi tingkah laku dalam menggunakan teknologi dengan mengambil kira nilai-nilai keselamatan, etika, norma dan budaya. Yang paling penting bagi IGP guru budang Asas Sains Komputer adalah menguasai gabungan Pedagogi, Teknologi dan Pengetahuan berdasarkan Model TPACK.

3.2 Persamaan guru bidang berdasarkan Model IGP mengikut bidang

Melalui dapatan wawancara bersama kedua guru IGP mengikut bidang ini, terdapat beberapa persamaan IGP Puan Armi dan IGP Puan Mashitah berdasarkan Model IGP mengikut bidang ini. Antaranya yang boleh disimpulkan oleh saya adalah untuk mendidik diri untuk lebih terbuka dengan pelajar. Hal ini ditekankan oleh mereka supaya kita mendekati pelajar bukan sahaja sebagai seorang guru tetapi lebih kepada seseorang yang boleh diharapkan oleh pelajar untuk membantu mereka dalam subjek yang dipelajari. Tambahan pula, mereka juga mengatakan hal ini amat berkait rapat dengan hubungan komunikasi antara guru dan pelajar dalam membantu

pelajar yang mengalami masalah dalam memahami objektif atau pembelajaran yang disampaikan.

Seterusnya, mereka juga amat menenakan tentang kualiti sebagai seorang IGP. Hal ini bermaksud mereka amat menggalakkan untuk seorang IGP memiliki keperibadian yang tinggi serta mulia. Dengan imej tersebut, boleh menjadi teladan buat para pelajar dan menjadi ikutan buat mereka untuk menanamkan diri mereka akan sifat peribadi yang tinggi dan mulia akan dihormati dan disanjung masyarakat sekeliling. Sejujurnya, kedua-dua guru iaitu Puan Armi dan Puan Mashitah memiliki ciri tersebut. Oleh itu, mereka kerap menjadi role model bagi pelajar mereka sekaligus menjadikan pelajar mereka menanamkan sikap untuk menjadi seseorang yang berperibadi tinggi seperti mereka.

Di samping itu, kami juga menyedari akan perkara-perkara yang ditekankan oleh kedua-dua guru yang kami wawancara dan perkara tersebut adalah mereka amat menekankan kami untuk menyayangi pelajar tersebut. Mereka menegaskan untuk tidak mengamalkan sikap pilih kasih kerana itu akan membuatkan sesetengah pelajar merasa kekurangan dan merendah diri. Jika dilihat kepada Puan Armi dan Puan Mashitah, mereka amat adil dan melayan semua pelajar mereka sama rata. Hal ini membuatkan pelajar merasa diberi peluang sama rata untuk terus mengenal pasti kebolehan diri mereka dalam mencapai aspek kejayaan di masa mendatang. Sewajarnya, guru tidak patut melakukan sikap pilih kasih kerana itu hanya merosakkan potensi sesetengah pelajar dan juga tidak akan membantu meningkatkan semangat mereka dalam pembelajaran.

3.3 Perbezaan guru bidang berdasarkan Model IGP mengikut bidang

Bagi perbezaan untuk Puan Armi dan Puan Mashitah, sudah pasti daripada subjek yang mereka ajar. Puan Armi merupakan guru Asas Sains Komputer manakala Puan Mashitah pula merupakan guru Bahasa Melayu. Perbezaan bidang ini sudah tentu mempunyai kelainan dan gaya mengajar masing-masing dalam menerapkan ilmu yang diberi kepada pelajar mereka.

Untuk Puan Armi, beliau menggunakan kaedah pedagogi di mana ianya memudahkan beliau untuk melaksanakan penyelesaian masalah dalam pembelajaran. Oleh kerana beliau telah

berpengalaman dalam bidang ini, beliau dapat menguruskan proses pembelajaran dan pengajaran yang sesuai di dalam kelas. Beliau juga dapat menggambarkan pemahaman bagaimana teknologi tertentu dapat mengubah pengalaman pengajaran dan pembelajaran dengan memperkenalkan kemampuan dan kekangan pedagogi baru. Beliau juga mampu untuk meningkatkan amalan pengajaran dengan mewujudkan hubungan yang lebih kuat antara kandungan dan pedagogi yang digunakan untuk menyampaikannya. Dalam masa yang sama, Puan Mashitah kurang memiliki kemampuan tersebut.

Selain itu, dari aspek diri mereka sebagai seorang penunjuk ajar.Sebagai seorang guru yang lengkap dari segi teori dan praktikal, mereka haruslah mampu menunjukkan pendekatan praktikal kepada pelajar selepas melalui proses pengetahuan ilmu. Sekali lagi, disebabkan bidang yang berbeza, teori dan praktikal yang mereka miliki sudah tentu tidak sama. Maka, di dalam bilik darjah, kaedah dan cara mereka mengaplikasikan teori dan praktikal mereka memang akan berbeza.

4.0 GURU BERDASARKAN MODEL IGP UPSI

4.1 Pengenalan kepada Model IGP UPSI

Model Insan Guru Profesional Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ini dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik UPSI di bawah Skim Geran Penyelidikan Niche (NRGS) untuk lima tahun oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dari tahun 2014 sehingga 2020. Projek penyelidikan 'Pengembangan Model Pendidikan Guru untuk Mempersiapkan Guru Masa Depan di Malaysia', terdiri daripada lima sub kumpulan seperti dalam Rajah 1. Projek ini diketuai oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi pada ketika itu, Yg. Berbahagia Dato’ Noraini Idris. Model ini mempunyai lapan prinsip panduan yang diberi tumpuan untuk mengasuh guru berdasarkan prinsip-prinsip untuk menanamkan kecenderungan tertentu yang boleh dipindahkan kepada amalan performatif bilik darjah atau dikenali sebagai nilai, kemahiran dan pengetahuan (NKP).

4.2 Persamaan Guru Berkenaan berdasarkan Model IGP UPSI.

Melalui dapatan wawancara bersama kedua guru IGP ini, antara persamaan IGP Puan Armi dan IGP Puan Mashitah berdasarkan Model IGP UPSI ialah, mereka banyak menekankan tentang sikap personaliti guru yang baik dan berintegriti. Untuk menjadi seorang guru, mereka memberitahu supaya setiasa mematuhi etika perguruan dan memahami falsafah pendidikan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kedua guru ini mempunyai aspek guru yang mampu meneliti, menghayati dan mempraktikkan nilai-nilai pengajaran berkaitan profesion pendidikan dalam konteks nasional dan global.

Selain itu, berdasarkan Model IGP UPSI, kedua-dua IGP ini juga menunjukkan persamaan seorang guru yang mampu mencipta persekitaran pengajaran pembelajaran, menyediakan skop dan peluang untuk memupuk keseronokan intelektual yang akan mengoptimumkan potensi dan semangat pelajar untuk belajar sepanjang hayat. Melalui wawancara tersebut, Puan Armi memberitahu supaya kami perlu sedaya upaya mengkaji dalam bidang yang kami ceburi iaitu teknologi maklumat dengan lebih mendalam manakala Puan Mashitah pula mengatakan supaya kami perlu berusaha meningkatkan lagi kemahiran di dalam bidang teknologi maklumat agar dapat melahirkan pelajar yang lebih maju ke hadapan di samping dapat menarik minat pelajar ke arah teknologi pada masa kini. Jawapan tersebut jelas membuktikan kedua-kedua guru ini mempunyai aspek seperti berikut kerana tindakan sedemikian bakal mengubah persekitaran pengajaran dan pembelajaran ke arah yang lebih baik.

4.3 Perbezaan guru berkenaan berdasarkan Model IGP UPSI

Perbezaan kedua-dua IGP ini berdasarkan Model IGP UPSI ialah dari segi guru yang berkebolehan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi dan aplikasinya dalam amalan pendidikan. Berikutan wabak pandemik Covid-19, semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran sebelum ini telah beralih kepada pembelajaran secara atas talian. Guru terpaksa menggunakan aplikasi atas talian atau aplikasi Google Meet untuk menjalankan proses PdPc. Jadi disini kami dapat lihat bahawa Puan Mashitah lebih berkebolehan dalam menyesuaikan diri

dengan teknologi dan aplikasi dalam amalan pendidikan kerana mungkin disebabkan faktor umur yang lebih muda berbanding Puan Armi.

Di samping itu, berdasarkan Model IGP UPSI, kedua-dua guru tersebut juga mempunyai perbezaan dari segi atribut penyayang. Guru yang penyayang ialah seseorang yang mengambil berat tentang kesejahteraan pelajarnya. Melalui wawancara tersebut, menerusi soalan yang ketiga iaitu apakah ciri keperibadian yang perlu ada pada seseroang guru yang berjaya, Puan Mashitah ada menyatakan bahawa sifat menyayangi perlu ada di dalam diri seorang guru. Sikap guru penyayang ini dapat dilihat dalam diri Puan Mashitah sendiri kerana beliau banyak menekankan bagaimana sikap yang perlu ada dalam diri seorang guru terhadap pelajar. Sebagai contoh, Puan Mashitah memberitahu supaya tidak boleh memilih kasih dan mestilah melayan anak-anak didik sama rata. Beliau juga memberitahu supaya tidak menghukum pelajar di khalayak ramai. Perkara ini jelas menampakkan sikap penyayang yang ada pada diri Puan Mashitah. Berbeza dengan Puan Armi, beliau memberitahu ciri keperibadian yang perlu ada adalah seperti mempunyai minat, berilmu, bertanggungjawab, tegas, ikhlas dalam mendidik, sabar dan mempunyai peribadi yang baik.

5.0 REFLEKSI KENDIRI AHLI KUMPULAN

Nor Hasimah Binti A Manaff (D20191088806)

Alhamdulilah, saya bersyukur dan gembira kerana berpeluang mengikuti wawancara Insan Guru Profesional. Walaupun wawancara ini tidak dapat dilakukan secara bersemuka dan hanya dilakukan secara dalam talian ekoran daripada pandemik covid-19, wawancara ini tetap berjalan dengan lancar. Wawancara ini merupakan satu pengalaman yang memberi banyak input berguna kepada saya. Wawancara ini mendedahkan kepada saya tentang bagaimana cara untuk menjadi seorang guru yang profesional. Ilmu pengetahuan yang diperoleh daripada kedua-dua guru yang diwawancara ini mampu menambahbaik diri saya dari pelbagai aspek seperti tingkah laku dan mental.

Jika sebelum ini, saya kurang jelas tentang apakah yang dimaksudkan dengan guru profesional, kini saya telah memahaminya dengan lebih jelas yang mana, untuk menjadi guru

yang profesional, kita perlulah menepati masa, memahami jiwa para pelajar, bijak mengaplikasi teknologi maklumat dan komunikasi, menjadi seorang yang lebih bertanggungjawab dan banyak lagi. Melalui sesi wawancara ini juga, saya dapat mengetahui bahawa perkara yang paling penting, yang perlu ada dalam diri seorang guru adalah keikhlasan dalam mengajar kerana tanggungjawab guru adalah untuk mendidik masyarakat menjadi insan yang berguna pada masa akan datang. Tambahan lagi, untuk menjadi seorang guru bukanlah perkara yang senang, pelbagai cabaran dalam mencapai tujuan bakal ditempuhi oleh kita. Untuk itu, mental haruslah kuat dan dijaga agar para pelajar tidak menjadi tempat untuk kita melepaskan perasaan. Melalui wawancara ini, banyak nasihat telah dicurahkan oleh kedua-dua guru tersebut sehingga berjaya membangkitkan semangat saya untuk menjadi seorang pendidik dan sentiasa berjuang dalam menempuhi apa jua rintangan terutamanya ketika sedang belajar menuntut ilmu. Nasihat tersebut secara tidak langsung telah membangun keperibadian saya dalam kehidupan seharian.

Umairah Binti Abdul Kadir (D20191088829)

Wawancara yang telah saya dan ahli kumpulan laksanakan bagi kedua-dua IGP ini merupakan satu pengalaman yang berharga buat saya kerana saya telah memperoleh banyak input-input yang bermanfaat yang dapat saya gunakannya dalam mempersiapkan diri sebagai seorang guru kelak. Setiap input-input yang dikongsi oleh kedua-dua IGP tersebut telah membuka mata saya untuk menjadi seorang guru yang lebih baik kepada anak bangsa pada masa yang akan datang. Jika sebelum ini saya kurang jelas bagaimana profesionalisme sebagai seorang guru, setelah mewawancara kedua-dua IGP tersebut, ia telah memberikan gambaran yang jelas tentang bidang kerjaya yang perlu saya lakukan apabila menjadi seorang guru nanti. Antaranya ialah kita perlu sabar dalam menghadapi setiap dugaan yang mendatang terutamanya dengan karenah anak-anak didik, jangan masuk lewat ke dalam kelas, perlu menjaga ketrampilan, perlu mempunyai integriti untuk menjadi guru yang hebat dan banyak lagi. Segala nasihat yang telah diberikan oleh kedua-dua guru tersebut sangat bermakna. Akhir kata, saya berharap agar satu hari nanti saya dapat menjadi seorang guru yang hebat seperti guru-guru yang telah saya wawancara dan saya berharap agar jiwa sebagai seorang pendidik ini sentiasa mengalir dalam diri saya serta, saya sentiasa komited dalam melakukan tugasan sebagai seorang guru.

Farah Ayuni Binti Mohd Suhaini (D20191088848)

Bagi saya, wawancara bersama kedua-dua IGP ini telah banyak memberikan pengalaman yang bermakna kepada saya dan rakan-rakan sebelum bergelar menjadi seorang guru. Saya sangat bersyukur kerana dapat berpeluang untuk menjalankan wawancara ini walaupun hanya melalui atas talian berikutan norma baharu akibat wabak Covid-19. Melalui wawancara ini, saya mendapat banyak input dan pengajaran yang boleh saya praktikkan di dalam diri apabila saya menjadi seorang guru kelak. Jawapan-jawapan dan nasihat yang diberikan oleh kedua IGP ini sangatlah bermakna dan bukan setakat sebagai seorang guru tetapi juga sebagai individu yang akan membentuk nilai-nilai murni kepada anak-anak bangsa dan masyarakat dan juga diri-sendiri. Selain itu, saya juga dapat belajar banyak perkara daripada perkongsian yang disampaikan oleh kedua IGP tersebut, dimana unutk menjadi guru, kita perlu persiapkan diri kita dari segi mental dan fizikal untuk menempuhi pelbagai cabaran yang mendatang. Hal ini demikian kerana, untuk menjadi pendidik bukan sesuatu perkara yang mudah. Oleh itu, dengan perkongsian dan nasihat itu membuatkan saya lebih bersemangat dalam mempersiapkan diri saya untuk menjadi seorang guru yang berkaliber suatu hari nanti.

Mohammad Akmal Hafiz Bin Mohd Nazir (D20191088865)

Pada pendapat saya, refleksi yang dapat saya simpulkan adalah dalam program wawancara ini saya dan kumpulan saya dapat mengenal dengan lebih dekat tentang cara-cara bagaimana untuk melatih diri menjadi seorang guru yang profesional. Pertama sekali, kami dapat mencabar diri kami untuk menetapkan standard kami untuk menjadi seorang guru yang berwibawa. Tugasan mewawancara dua guru iaitu guru umum dan guru bidang ini memberi peluang untuk kami lebih dekat dengan tugas seorang guru yang profesional. Hal ini dapat dilihat apabila kami bertanyakan kepada mereka bagaimana untuk mempersiapkan diri ke arah menjadi insan guru yang profesional. Kata mereka, seorang guru itu haruslah mempunyai hati yang mulia serta seorang yang sangat penyabar. Hal ini sewajibnya dipraktikkan kerana seorang guru apabila mengajar akan berhadapan dengan berpuluh-puluh pelajar bahkan beratus-ratus pada satu masa. Kedua-dua guru ini juga menitipkan pesan agar kami melatih sifat penyayang dalam diri supaya hubungan kita di antara pelajar dan guru dalam keadaan harmoni dan memudahkan kita untuk mendidik pelajar ini ke arah kejayaan. Justeru itu, sudah jelas bahawa masih banyak langkah

yang perlu dibina kukuh untuk menjadi seorang guru yang profesional di samping memperbanyakkan latihan untuk menepati ciri perubahan yang dilaksanakan dalam pembelajaran di masa mendatang.

6.0 PENUTUP

Secara umumnya, setiap orang diwajibkan mendapatkan pendidikan dalam kehidupan. Untuk itu, seorang guru yang profesional sangat diperlukan di setiap sekolah bagi mendidik masyarakat serta meningkatkan kualiti pendidikan di negara. Menjadi guru yang profesional seperti etika keguruan yang tinggi, berintegriti dan sebagainya sangat penting kerana ia memberi makna yang besar atau kesan yang baik kepada semua lapisan masyarakat. Dari didikan seorang guru yang profesional, ia mampu melahirkan pelajar yang cemerlang seterusnya berpeluang meningkatkan taraf hidup dan memajukan negara. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi mengangkat profesion keguruan dan sistem pendidikan negara. Dalam konteks ini, ia dilakukan dengan penambahbaikan hasil daripada berbagai-bagai penyelidikan yang dibuat terhadap profesion keguruan dan sistem pendidikan di negara ini. Profesion keguruan yang baik secara tidak langsung mampu meningkatkan sistem pendidikan negara.

LAMPIRAN

1) Link recording wawancara IGP Bidang

https://drive.google.com/file/d/1tv1OtIFWSY3ZnxhGdvWEaxWayTSNmWCq/view?usp=drivesdk

2) Link recording wawancara IGP luar bidang

https://drive.google.com/file/d/1ob-dlO8DaiukJPglwacGp5rwtgTl3096/view?usp=drivesdk

3) Link presentation laporan wawancara IGP

https://drive.google.com/file/d/1ZUTY1iKVuB9Xwo3UlPcQgiyrLvR8Xq9L/view?usp=drivesdk